

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche Hussein Onn semasa merasmikan pembukaan bangunan tambahan Sekolah Rendah Kebangsaan Kopok, Masai, Johor berharga \$35,300 pada 30hb. Jun 1971 pukul 10.00 pagi

Saya berasa amat sukachita kerana telah di-jemput oleh Pengerusi dan ahli2 Lembaga Pengurus, guru2 serta ibu2-bapa ka-Sekolah Rendah Kebangsaan Kampong Kopok kerana menghadziri upacara pembukaan rasmi sekolah ini.

Memang menjadi hasrat saya untok menunaikan semua jemputan2 dari sekolah2 di-seluruh negara tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan tidak dapat-lah saya menunaikan kesemuanya. Walau bagaimana pun, jangan-lah dengan ketiadaan saya, Majlis Perasmian Sekolah2 di-tanggohkan dari satu masa ka-satu masa hingga-lah apabila sampai masa untok di-rasmikan sekolah itu terpaksa di-chat dan di-perbaiki semula. Saya perchaya pembesar2, pemimpin2 serta wakil2 raayat tidak keberatan untok menunaikan jemputan bagi merasmikan sekolah2.

Sa-sabuah sekolah itu bukan-lah merupakan suatu tempat di-mana guru2 dan murid2 berkumpul dalam masa yang tertentu supaya murid2 dapat menerima pelajaran ilmu sains, hisab, tawarikh dan lain2 dari guru2 mereka. Ini hanya satu sahaja daripada beberapa sebab kita mengadakan sekolah2 untok anak2 kita sakalian. Kalau kita tidak mempunyai pandangan yang lebeh luas daripada ini, bererti kita tidak menjalankan tugas yang di-kehendaki daripada kita dan jika kita tidak menimbang dengan serious-nya tugas2 lain yang mesti di-penuhi oleh sekolah2, berma'ana-lah sekolah kita itu akan menjadi kilang2 yang akan mengeluarkan robot2 yang bernyawa.

Kita perlu mempunyai kebolehan untok memahami perasaan, fikiran, kesusahan orang lain dan di-samping itu kita mesti juga sedia berkorban dan membuat serba sedikit penyesuaian dan kepentingan ramai. Yang penting sekali sekolah2 mesti-lah mendidik anak2 dan menyesuaikan perasaan kesedaran bagi mereka untok mempunyai satu tujuan hidup yang harmoni di-dunia.

Kita harus merenong atas perkembangan2 di-masa yang lampau, kejadian dan perubahan sekarang dan chuba meninjau pada aliran2 zaman di-masa akan datang dan di-samping itu menchari di-dalam hati kita jawapan pertanyaan ini: "Apa-kah peranan kita masing2 di-dalam dunia ini terutama sekali di-tanah ayer kita sendiri?"

Di-samping membuka beribu2 ekar tanah untok di-bahagi kepada raayat, di-samping mendirikan kilang2 perusahaan, negara kita telah mendapat kemajuan yang pesat dalam bidang pelajaran. Beratus2 juta ringgit telah di-churahkan oleh Kerajaan untok menyediakan berbagai2 alat kemajuan pelajaran di-negara kita ini sama ada di-bandar maupun di-luar bandar. Dan beratus2 juta lagi akan di-belanjakan di-dalam ranchangan Malaysia Kedua untok mengadakan lebeh banyak lagi kemudahan pelajaran terutama sekali di-kawasan2 luar bandar. Kita sama2 sedar ada-lah menjadi kewajipan belia2 sakalian mengisi kepala mereka dengan seberapa banyak ilmu pengetahuan yang boleh.

Kerajaan telah berulang kali menegaskan betapa perlu-nya membetulkan pelbagai keadaan yang ada yang tidak sa-imbang di-antara kawasan2 bandar dengan kawasan2 luar bandar. Pelajaran ada-lah kunci perkara ini. Kita juga mempunyai harapan yang besar bahawa pelajaran akan dapat menyusun semula masyarakat kita kepada masyarakat yang benar2 bersatu, muhibbah, harmoni dan betul2 berchorak Malaysia.

Suka-lah saya nyatakan di-sini bahawa Kementerian Pelajaran sentiasa menilai rancangan pelajaran kita untuk menentu-kan supaya rancangan2 ini menchapai keputusan2 yang di-kehendaki oleh masyarakat dan negara. Oleh kerana kita berada dalam zaman berlumba2 ka-bulan maka telah timbul masaalah2 baru yang berke-hendakkan chara baharu menghadapi-nya pula.

Saya di-fahamkan bahawa sekolah ini semenjak di-tubuhkan beberapa tahun yang lalu telah dapat membuat beberapa kemajuan bagi murid2-nya dan telah dapat memberi sumbangan kepada masyarakat di-sekitar-nya. Soal ini sangat-lah mustahak oleh kerana kita tidak mahu melihat guru2 dan murid2 serta sekolah2 tinggal terpenchil malahan mereka hendak-lah memberi sumbangan kepada masyarakat sa-tempat dan saya juga berharap masyarakat dapat memberi sumbangan kepada sekolah di-tempat masing2.

Sekarang saya suka menyentuh mengenai masa depan dan kehidupan guru2 yang manakan berbedza sekali dari kehidupan mereka waktu menerima latehan dan sa-lepas-nya. Ia-itu mereka sekarang sa-telah tamat latehan akan memberi bukan-nya menerima dan bukan juga berteori malahan memperaktikkan segala2 yang di-pelajari untuk memajukan pelajaran dan melengkapkan ilmu pengetahuan anak2 kita.

Kapada guru2 suka-lah saya menyatakan satu lagi aspek yang mustahak untuk membaiki mutu pelajaran ia-lah mengenai membaiki kelayakan guru2. Kementerian Pelajaran pada beberapa tahun yang akan datang akan terus mengadakan kursus2 dalam perkhidmatan untuk guru2 kita dalam bidang sains dan ilmu hisab dan juga dalam bidang2 yang lain. Kementerian Pelajaran sedang merancang satu rancangan latehan semula untuk guru2 yang begitu pesat dengan tujuan hendak membaiki lagi taraf kelayakan dan kebolehan mereka untuk mengajar bidang2 pelajaran yang baru. Oleh kerana itu, saya berharap guru2 kita apabila di-minta datang menghadziri sesuatu kursus jangan-lah hendak-nya menchari sebab tidak mahu menghadziri. Sa-balek-nya mereka harus-lah menerima baik tawaran tersebut oleh kerana tujuannya untuk kebaikan guru2 itu sendiri dan generasi kita akan datang.

Akhir kata saya mengambil peluang ini menguchapkan sa-tinggi2 tahniah kepada semua pehak yang berkenaan di-sekolah ini kerana telah berjaya mengatorkan upachara yang meriah ini.

Dengan segala sukachita-nya saya merasmikan pembukaan bangunan tambahan Sekolah Rendah Kebangsaan Kopok, Masai.



No. Siri	43
No. Penerimaan	43/80